

'Ilmu dan otak jadi saingan ekonomi dunia masa depan'

KOTA TINGGI (Johor) 29 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata persaingan dalam ekonomi dunia di masa akan datang akan lebih merupakan per-

nya. Perdana Menteri berkata, masa depan ekonomi dunia memerlukan rakyat dan pihak kerajaan merenung jauh mencari jalan supaya "kita boleh buat apa yang orang lain boleh buat.

Salah satu usaha yang perlu diambil segera menurut beliau, ialah mempelbagaikan tanaman yang dijalankan di FELDA dan rancangan tanah yang lain.

Penggantungan kepada hanya beberapa jenis bahan tertentu tampaknya akan meletakkan negara dalam keadaan di mana pihak pembeli boleh memaksa kita mengikut kemahumannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyebut bagaimana bahan petroleum pernah dijadikan senjata politik tetapi kini nilai bahan tersebut telah merosot.

Ini adalah kerana terdapat orang - orang yang mampu bersaing dengan

pihak yang mengeluarkan bahan pembakar itu dengan menggunakan ilmu dan otak serta mencipta bahan - bahan pembakar lain yang boleh mengganti petroleum.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa walaupun minyak masih menjadi salah satu keperluan utama manusia, harganya kini telah jatuh ke paras yang tidak dijangka.

Ini, kata beliau, jelas menunjukkan betapa mana - mana negara sekalipun tidak boleh bergantung hanya kepada sebilangan sumber sahaja meskipun bahan yang dikeluarkan itu diprolehi oleh dunia.

MM 30 JUN 1985

Ini adalah kerana dunia akan sentiasa mencari cara - cara lain untuk memenuhi keperluan mereka jika pihak yang memiliki sesuatu bahan itu mengenakan harga yang tinggi.

Perdana Menteri menarik perhatian, oleh kerana orang - orang yang berilmu gigih dalam usaha mereka, mereka sudahpun dapat mengurangkan penggantungan terhadap petroleum dan pengeluaran - pengeluaran

saingan "ilmu dan otak" dan bukannya persaingan yang hanya tertumpu kepada pengeluaran bahan - bahan semulajadi.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri Malaysia juga perlu membuat persiapan awal untuk menghadapi persaingan ilmu ini supaya kita tidak ketinggalan.

Beliau tidak mahu nasib yang menimpa getah asli di negara ini turut menimpa bahan - bahan semulajadi yang lain.

Berucap di hadapan

Oleh
Khalid Mohd

30/06/1985

peneroka - peneroka FELDA Air Tawar Dua, di sini hari ini, beliau menarik perhatian betapa penemuan teknologi yang boleh menghasilkan getah tiruan telah menjelajahi pasaran getah asli.

Lebih dari itu, katanya, usaha - usaha gigih yang terus dijalankan oleh orang - orang asing telah menghasilkan kemampuan untuk menjadikan getah tiruan lebih baik dari getah asli dalam beberapa kegunaan tertentu.

"Mungkin satu hari nanti, getah tiruan boleh atasi getah asli," tegas-

Sari: Ilmu dan otak jadi saingan ekonomi dunia

minyak tidak lagi boleh menggunakan bahan itu untuk mengancam mereka.

Kajian - kajian yang telah dijalankan oleh kerajaan, kata Perdana Menteri, menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis tanaman baru yang boleh ditanam secara besar - besaran dan yang akan dapat mengurangkan penggantungan terhadap kelapa sawit.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut jenis - jenis tanaman itu.

"Kita tidak boleh percaya bahawa harga sesuatu bahan itu dan juga permintaan bagi mendapatkannya akan terus naik," ujarnya.

Menyentuh tentang masa depan FELDA,

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, agensi tersebut harus cuba mengubah cara pembukaan estet kerana tanah yang semakin berkurangan sekarang.

Di samping itu, beliau juga mahu para peneroka sendiri terlibat dalam rancangan - rancangan pembukaan tanah dari peringkat awal dan bukannya melepaskan kepada pihak kontraktor untuk menjalankan kerja - kerja awalan.

Menurutnya, syor supaya peneroka terlibat dari peringkat awal walaupun dibuat dahulu, tetapi ia masih belum dilaksanakan.

Beliau berharap FELDA akan melaksanakan nya secepat mungkin.